

Jaga sungai kita

■ SYABAS salur dana RM1.4 juta kepada kelab

Oleh Ahmad Isyafiq

Mad Desa

am@mediaprima.com.my

Shah Alam

Sebanyak RM1.4 juta setahun diperuntukkan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) disalurkan kepada Kelab Briged Penyelamat Sungai (BPS) bagi menyuntik kesedaran memulihara sungai dalam kalangan masyarakat.

Menyasarkan golongan pelajar sekolah rendah dan menengah serta mahasiswa, BPS yang ditubuhkan pada 1998 sehingga kini mempunyai 11,000 ahli aktif terabit dalam setiap aktiviti praktikal yang dianjurkan BPS.

Pengarah Eksekutif Ba-



ABDUL Halem

hagian Hal Ehwal Awam SYABAS Abdul Halem Mat Som berkata, setiap tahun syarikat itu menyasarkan 3,200 keahlian menganggotai BPS dan pengurusan kelab secara kerap menganjurkan pelbagai aktiviti bersama ahli mereka.

“Peruntukan yang kami sediakan ini digunakan sepenuhnya dalam setiap aktiviti kelab sama ada dianjurkan sekolah, universiti dan mereka yang ter-

bit dengan kelab BPS.

“Tujuan penubuhan kelab ini untuk mendidik dan menyuntik kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan menjaga sungai selain melakukan aktiviti berbentuk praktikal,” katanya ketika ditemui di Majlis Citra Aidilfitri Kelab BPS, di sini.

“Selain menggunakan pendekatan teori, kita membara setiap ahli kami ke loji dan sungai untuk menyaksikan sendiri bagaimana SYABAS terabit dalam memastikan pengagihan air ke seluruh rakyat Selangor,” katanya ketika ditemui di Majlis Citra Aidilfitri Kelab BPS, di sini.

Dalam majlis itu, Abdul Halem turut menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan Mencipta Poster dan Fotografi

BPS (2013) bermula 17 sehingga 31 Julai lalu dengan tema ‘Sayangi Alam Ciptaan Tuhan’.

Penerima hadiah pertama pertandingan itu ialah Elvi Arlina Arwilis, 17 juga ahli kelab BPS ber-kata, kelab itu banyak mendidik mengenai kepentingan menjaga alam sekitar.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ampang Pecah Bestari itu berkata, gangguan air yang dihadapi akibat tumpahan diesel di Sungai Selangor, baru-baru ini sudah cukup memberikan pengajaran mengenai kepentingan sungai.

“Guru ada mendidik kami betapa pentingnya menjaga alam sekitar dan sungai. Namun ketika itu, saya tidak faham apa yang akan terjadi jika sungai terus dicemari,” katanya.

FAKTA
BPS mempunyai
11,000 ahli aktif
sasar 3,200 ahli
setiap tahun